



1. JAWATAN	: KETUA PEMERIKSA TANAH
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN TANAH
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengurusan Tanah atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Tanah sebagai Penolong Penaksir Kanan dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pemeriksa Tanah Kanan dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATAN KETUA PEMERIKSA TANAH:

1. Mengetuai unit-unit pemeriksaan dan pemetaan di keseluruhan Jabatan Tanah dan bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pembahagian kakitangan dan tugas-tugas pemeriksaan dan pemetaan.
2. Membuat pemeriksaan, menyediakan laporan dan meneliti laporan-laporan pemeriksaan dan peta-peta yang disediakan bagi setiap permohonan kemajuan dan penggunaan tanah.